

# Indonesia beri amaran bencana kebakaran

KOSMO - 48 26/7

**J**AKARTA - Agensi Pengurusan Bencana Indonesia (BNPB) memberi amaran bahawa ancaman kebakaran hutan semasa musim kering akan memuncak dalam tempoh beberapa bulan lagi, manakala titik-titik panas sudah dikesan di wilayah Aceh.

Kebakaran pada musim kering telah merebak ke kawasan hutan dan tanah gambut seluas 64 hektar dan mencetuskan jerebu di wilayah Aceh, utara Pulau Sumatera.

Beberapa penduduk setempat dibawa ke hospital kerana mengalami masalah pernafasan, kata BPNB semalam.

"Kemuncak musim kering diramalkan pada Ogos dan September ini dengan ancaman kebakaran tanah gambut dan hutan termasuk kemarau akan juga meningkat," kata jurucakapnya, Sutopo Purwo Nugroho dalam satu kenyataan.

Kebakaran di Aceh bermula pada Selasa minggu lepas dengan phlak berkuasa masih

berusaha memadamkan api di beberapa daerah.

Sementara itu, imej satelit menunjukkan terdapat 170 titik panas di seluruh Indonesia setakat petang kelmarin, kata Sutopo.

Indonesia kerap dilanda kebakaran hutan yang menyebabkan jerebu tebal merebak ke negara-negara jiran seperti Malaysia dan Singapura.

Jakarta berdepan kebakaran hutan terburuk pada tahun 2015 terutamanya di Pulau Sumatera



REUTERS

**PENUNGGANG** motosikal mengharungi cuaca berjerembu akibat kebakaran tanah gambut di Kampung Suak Raya, Aceh Barat, Indonesia kelmarin.

dan wilayah Kalimantan.

Kebakaran hutan dan tanah gambut memusnahkan kira-kira 2.6 juta hektar tanah di Indone-

sia antara Jun hingga Oktober 2015 dan mengakibatkan kerugian ekonomi berjumlah AS\$16 bilion (RM68 bilion). - Reuters